

## **BAB 6**

# **EKSPERIMENTASI WARNA ALAM TERHADAP TEKSTIL DAN KAEDAH PENYIMPANAN**

*Nur Athmar Hashim, Siti Aisyah Muhammad, Tengku Fauzan  
Tengku Anuar, dan Nor Atira Mohamad*

### **PENGENALAN**

Warna alam bermaksud warna yang diperolehi daripada sumber semula jadi terutamanya daripada tumbuh-tumbuhan dengan menggunakan daun, ranting, batang dan akar tumbuhan untuk menghasilkan warna. Namun tidak semua tumbuhan boleh menghasilkan warna. Antara tumbuhan yang boleh menghasilkan warna ialah pokok nangka (*Artocarpus Heterophyllus*), pokok manggis (*Garcinia Mangostana*), pokok indigo (*Indigofera Tinctoria*), pokok mengkudu (*Morinda Citrifolia*) dan beberapa jenis pokok lagi. Terdapat juga beberapa jenis tumbuhan yang boleh menghasilkan warna untuk makanan tetapi tidak boleh digunakan pada tekstil. Hal ini kerana kuantiti bahan yang diperlukan untuk menghasilkan warna pada makanan tidak sama dengan kuantiti bahan yang diperlukan untuk menghasilkan warna pada pakaian (Konar, 2011).

Teknik penghasilan warna daripada sumber alam sebenarnya sudah lama dipraktikkan. Sebelum terciptanya warna kimia, pengusaha tekstil menggunakan sumber alam untuk menghasilkan warna. Semakin lama sumber digunakan, semakin tidak mencukupi untuk menampung keperluan semasa. Oleh hal yang demikian, warna kimia dicipta untuk menampung keperluan dan ia cepat untuk dihasilkan. Dalam menghasilkan warna menggunakan bahan semula jadi memerlukan masa yang sangat lama. Masa yang paling singkat diperlukan untuk merebus